

06 JAN 2001

Fadzil-Pertemuan

PAS SETUJU PERTEMUAN DIADAKAN SECARA PERSIDANGAN PERWAKILAN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- PAS hari ini memutuskan supaya pertemuan Umno-PAS-Keadilan untuk membincangkan soal perpaduan orang Melayu diadakan secara persidangan yang melibatkan perwakilan dan bukan hanya pertemuan antara presiden parti-parti berkenaan.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata, keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas Jawatankuasa Pusat parti itu selama kira-kira empat jam di markas PAS, Taman Melewar dekat sini.

"Mesyuarat khas yang kita adakan hari ini bersetuju supaya format pertemuan itu dibuat dalam bentuk persidangan perwakilan serta delegasi dan bukan pertemuan antara pemimpin tertinggi parti."

"Ini supaya lebih banyak pandangan dapat diutarakan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu yang bermula pada pukul 10 pagi.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan oleh timbalan presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini mencadangkan presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan Fadzil yang mewakili PAS dan presiden parti Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi membincangkan soal perpaduan Melayu.

Abdullah juga berkata terpulang kepada pemimpin ketiga-tiga parti itu jika mereka mahukan pertemuan itu dalam format antara delegasi dan bukan pertemuan antara tiga individu itu sahaja.

Fadzil berkata PAS mahu skop perbincangan diperluaskan bagi meliputi kepentingan nasional dan bukan khusus kepada perpaduan orang Melayu sahaja.

Adalah tidak wajar pertemuan itu hanya membincangkan kepentingan sesuatu kaum sahaja kerana yang penting perpaduan harus melibatkan semua kaum, katanya.

Ditanya sama ada perlu pemimpin daripada parti-parti lain dijemput ke persidangan itu, Fadzil berkata, pada peringkat ini, PAS hanya menerima dahulu pertemuan yang disyorkan oleh Umno iaitu antara Umno-PAS-Keadilan dan kemudian barulah boleh difikirkan untuk melibatkan pemimpin parti kaum lain.

Fadzil berkata satu jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan PAS yang diketuai oleh Setiausaha Agungnya Ustaz Nasharudin Mat Isa untuk berunding dengan wakil Umno dan Keadilan mengenai prosedur pertemuan itu dan selepas itu barulah skop dan agenda pertemuan itu akan dibincangkan.

Beliau mengesahkan telah menerima surat jemputan daripada Dr Mahathir Mohamad, yang juga Perdana Menteri beberapa hari lepas bagi mengadakan pertemuan itu.

Fadzil berkata, beliau akan membalas surat itu selepas Dr Mahathir kembali daripada lawatan ke Myanmar minggu depan.

"Tempat dan masa pertemuan itu kita akan bincangkan kemudian tetapi PAS mencadangkan supaya persidangan itu diadakan di Bangunan Parlimen," katanya.

PAS akan menghantar para pemimpin tertingginya untuk persidangan itu dan berharap Umno dan Keadilan juga akan turut berbuat demikian.

Diminta mengulas mengenai pengguguran tujuh daripada 83 tuntutan yang menyentuh kepentingan Melayu dan Bumiputera oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) semalam, Fadzil berkata, dalam pertemuan persatuan itu dengan Seketariat Barisan Alternatif (BA) yang diketuai oleh Timbalan Presiden Keadilan Dr Chandra Muzaffar pada bulan puasa lepas, Suqiu memang bersetuju menggugurkannya.

"Kita (BA) sudah lama menganggap isu ini telah selesai tetapi kita

tidak pasti mengenai tuntutan lain adakah ia diterima oleh kerajaan atau tidak," katanya.

Sementara itu Nasharudin berkata sekiranya Umno hanya mahu persidangan Umno-Pas-Keadilan untuk membincangkan tentang perpaduan Melayu sahaja dan bukan kepentingan nasional, PAS tidak akan setuju dengannya.

"Kalau Umno tetap hanya nak bincang perpaduan Melayu sahaja dan bukan kepentingan nasional, kita tak mahu. Kita mahu perbincangan mengenai kepentingan nasional," katanya.

-- BERNAMA

APG AZZ PR